

Headline	REZEKI jejaka pemalu		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Oct 2014	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	825,000
Page No	V12,13	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	1124 cm²
Journalist	Fairul Asmaini Mohd Pilus	AdValue	RM 43,587
Frequency	Daily	PR Value	RM 130,761



REZEKI jejaka pemalu

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus

asmaini@hmetro.com.my

Pencarian jejaka tampan yang bakal mewakili Malaysia sebagai duta kecil ke pentas Mister Planet Dunia di Madrid, Sepanyol tahun depan akhirnya menemui noktahnya apabila Mohd Nazmi Che Nordin dinobatkan sebagai juara Mister Planet Malaysia (MPM2015).

Jejaka tinggi lampai dari Kangar, Perlis yang mempunyai senyuman manis itu menewaskan 15 peserta lain pada kemuncak final yang diadakan di Auditorium Muzium Negara, Jun lalu.

Namun tidak ramai yang mengetahui anak muda berusia 25 tahun itu bukan dipilih berdasarkan wajah tampan semata-mata, dia juga memiliki otak bergeliga.

Dia kini menyambung pelajaran di peringkat Sarjana Perubatan Nuklear di Universiti Putra Malaysia selepas menamatkan pengajian dalam jurusan pengimejan perubatan daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Ketika hadir ke pejabat Harian Metro untuk sesi fotografi, baru-baru ini, Nazmi kelihatan ceria dan mesra. Mana tidaknya, sesi fotografi berkenaan turut menemukan kembali Nazmi dengan rakan finalist pertandingan berkenaan iaitu Tuan Mohd Faiz Tuan Mohd Noor, Ben Asri dan Lew Voon Khong.

Meskipun boleh dianggap baru setahun jagung menceburii bidang peragaan, aksi Nazmi di depan kamera tidak kelihatan kekok.

Nazmi berkata, sebelum ini dia seorang jejaka pemalu apatah lagi untuk beraksi di pentas.

"Pembabitan dalam bidang peragaan pada mulanya hanya sekadar suka-suka selepas menyertai beberapa pertandingan bakat baru di sekitar Lembah Klang."

"Ketika itu saya masih bergelar pelajar di UiTM dan sebaik saja menamatkan pengajian peringkat ijazah, saya mula mengatur langkah sedikit demi sedikit."

"Alhamdulillah, rezeki akhirnya memihak kepada saya apabila dipilih memenang-

gi pertandingan MPM2015 dan kemenangan itu dianggap sebagai pembuka jalan untuk mencuba bidang peragaan ini," katanya.

Dengan kemenangan berkenaan, dia membawa pulang hadiah wang RM10,000 berserta selempang rasmi MPM2015, sijil, trofi dan hadiah lain sumbangan penaja.

Selaku juara, Nazmi turut ditawarkan kontrak sebagai duta rasmi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi mengikuti program anjuran institut itu selama setahun untuk menyemai kesedaran dalam kalangan anak muda mengenai alam sekitar.

Begitupun, anak sulung daripada empat beradik ini akui hanya menjadikan bidang peragaan itu sebagai minat sampingan kerana cita-cita sebenarnya untuk bergelar pensyarah.

"Saya ingin menjadi ahli akademik untuk mencurah berbakti kepada anak bangsa. Kini, saya berusaha ke arah itu kerana sasaran utama sebelum mencapai usia 30 tahun adalah untuk mendapatkan ijazah doktor falsafah," katanya.

Menurut Nazmi, dia beruntung kerana keluarga terutama ibu tidak menghalang minatnya dalam bidang peragaan. Ini kerana Nazmi sudah membuktikan kepada mereka sebelum ini bahawa peragaan tidak menggugat fokusnya terhadap jaran, malah dia semakin bersemangat un-

tuk meraih pencapaian cemerlang.

"Alhamdulillah, keluarga saya memberi sokongan penuh, namun mereka sering mengingatkan supaya tidak hanyut dalam bidang ini. Maklumlah, ini bidang glamor."

"Berkat sokongan dan doa mereka, saya berharap untuk mengimbangi pengajian dan peragaan dengan baik," katanya dengan senyuman.

Ditanya mengenai kemenangannya pada pertandingan berkenaan, Nazmi tidak menjangka langsung terpilih sebagai

Headline	REZEKI jejaka pemalu		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Oct 2014	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	825,000
Page No	V12,13	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	1124 cm²
Journalist	Fairul Asmaini Mohd Pilus	AdValue	RM 43,587
Frequency	Daily	PR Value	RM 130,761

pemenang utama apatah lagi selepas melihat saingan hebat daripada peserta lain yang memiliki kelebihan masing-masing.

Dia juga tidak menaruh harapan tinggi namun pada masa sama, tetap melaksanakan setiap tugasannya sebaiknya.

Ini kerana markah yang dikira tidak hanya bersandarkan kepada rupa malah turut mengutamakan bentuk badan dan pengetahuan mengenai alam sekitar.

"Apabila nama diumumkan sebagai juara, saya hampir menitiskan air mata kerana tidak percaya dengan rezeki itu. Ia bukan sekadar glamor semata-mata kerana kemenangan itu juga hadir dengan tanggungjawab yang besar untuk digalas terutama pada edisi peringkat antarabangsa di Madrid, tahun depan," katanya.

Pada kejohanan berkenaan, dia bakal

bersaing dengan 40 peserta lain yang mewakili pelbagai negara dari seluruh dunia.

Sememangnya ia bukan calang-calang pertandingan khususnya bagi muka baru dalam bidang peragaan seperti Nazmi.

Sebagai persediaan, dia kini menjalani latihan senaman dengan jurulatih peribadi selain mencari banyak maklumat mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.


"Saya akan membawa nama Malaysia pada pertandingan berkenaan dan ia pastinya bukan tugas mudah. Selaku duta kecil negara, saya berazam membuat yang terbaik untuk mengharumkan nama negara tercinta di Sepanyol nanti," katanya penuh harapan.

INFO

MENGENAI MISTER PLANET


- Mr Planet adalah duta lelaki tampan yang juga mewakili golongan lelaki moden di seluruh dunia.
- Ia dianjurkan oleh Oversea's Events iaitu sebuah organisasi kecantikan dan fesyen di Eropah.
- Sejak 2005, pencariannya sudah diadakan di pelbagai negara termasuk Malaysia.
- Mr Planet terbuka kepada jejaka di seluruh dunia berusia antara 18 hingga 30 tahun dengan ketinggian minimum 180 sentimeter.
- Peserta perlu memiliki pasport dan visa yang sah untuk menyertai pertandingan di lokasi yang ditentukan.
- Perlu memiliki karakter yang baik dengan raut wajah yang sedap mata memandang. Selain itu, peserta juga perlu memiliki fizikal badan dan personaliti menarik dengan tahap kecerdasan yang tinggi.

Headline	REZEKI jejaka pemalu		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Oct 2014	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	825,000
Page No	V12,13	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	1124 cm ²
Journalist	Fairul Asmaini Mohd Pilus	AdValue	RM 43,587
Frequency	Daily	PR Value	RM 130,761



KELUARGA tulang belakang Nazmi selama ini.

FOTO: HALIMATON SAADAH



NAZMI (kanan)
bersama pemenang
kedua dan ketiga
MPM2015.

Headline	REZEKI jejaka pemalu		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Oct 2014	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	825,000
Page No	V12,13	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	1124 cm²
Journalist	Fairul Asmaini Mohd Pilus	AdValue	RM 43,587
Frequency	Daily	PR Value	RM 130,761

